



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (42)
Tarikh : 05 Julai 2022

Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN CUTI PERSEKOLAHAN SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa cuti umum sempena Hari Raya Aidiladha tahun 2022 ialah pada 10 Julai 2022 (Ahad) dan cuti umum ini dibawa ke 11 Julai 2022 (Isnin). Manakala permohonan cuti peristiwa pada 12 Julai 2022 sempena sambutan perayaan ini telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL).

3. Sehubungan dengan itu, **semua murid akan bercuti pada 11 dan 12 Julai 2022 (Isnin dan Selasa)** sempena Hari Raya Aidiladha dan akan **kembali bersekolah pada 13 Julai 2022 (Rabu)**.

4. Pihak sekolah mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua warga SETIARA yang menyambutnya. Pihak sekolah juga berharap YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak/anak jagaan masing-masing dalam waktu cuti perayaan ini.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)
Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur



"SETIARA SENTIASA JUARA"